

Faktor-Faktor Pendorong Amalan Penerapan Kemahiran Berfikir Kritis dalam Pengajaran dan Pembelajaran Akidah di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)

Factors Encouraging the Integration of Critical Thinking Skills in the Teaching and Learning of Aqidah in National Secondary Schools (SMK)

Juliana Omar & Norhisham Muhamad*

Department of Islamic Studies, Faculty of Human Science, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author email: nhisham@fsk.upsi.edu.my

SEJARAH ARTIKEL

Diterima: 18 Disember 2025

Disemak: 26 Januari 2026

Diterima: 14 Mei 2026

Diterbitkan: 30 Jun 2026

KATA KUNCI

Dorongan

Kemahiran Berfikir Kritis

Pengajaran Akidah

Sekolah Menengah

ABSTRAK – Guru merupakan faktor penting ke arah menjayakan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Personaliti guru Pendidikan Islam (GPI) yang memiliki sikap kritis merupakan pendorong dalaman yang sangat bernilai ke arah merealisasikan amalan penerapan Kemahiran Berfikir Kritis (KBK) di dalam bilik darjah. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis faktor-faktor pendorong amalan penerapan KBK dalam pengajaran bidang akidah di sekolah menengah. Kajian ini berbentuk kajian kes, dengan menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya. Pengumpulan data dilakukan melalui temu bual separa berstruktur. Data dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti versi 23. Data kualitatif daripada temu bual ini dianalisis secara deskriptif bagi mendapatkan tema, sub tema dan dapatan kajian. Seramai lima orang GPI yang telah berkhidmat di dua buah sekolah di Negeri Perak telah dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Kajian ini mendapati GPI mempunyai dorongan dalam bentuk motivasi sendiri, persekitaran sekolah, sokongan pentadbir dan rakan sejawat, serta profil murid pemikir kritis untuk melaksanakan amalan penerapan KBK di dalam pengajaran bidang akidah KSSM. Dapatan mengenai pelaksanaan penerapan ini menunjukkan keselarian antara kepercayaan guru dengan pelaksanaannya di dalam pengajaran serta disokong oleh beberapa faktor dorongan.

ABSTRACT - Teachers are a critical factor in ensuring effective teaching, as they are the ones who implement the instruction. An Islamic Education teacher's personality, characterized by a critical attitude, is a valuable internal motivator for realizing the practice of implementing Critical Thinking Skills in the classroom. This study aims to analyze the driving factors behind the practice of implementing critical thinking skills in teaching Akidah in secondary schools. This research is a case study, employing a fully qualitative approach. Data collection was conducted through semi-structured interviews. The data were analyzed using ATLAS.ti version 23 software. Qualitative data from these interviews were analyzed descriptively to identify themes, sub-themes, and research findings. A total of five GPIs who have served in two schools in Perak were selected using purposive sampling. The study found that GPIs are motivated by

self-motivation, the school environment, administrator and peer support, and the profile of students as critical thinkers, to implement the practice of critical thinking skills in the teaching of Akidah KSSM. Findings regarding the implementation of this application show a correlation between teacher beliefs and their implementation in teaching and are supported by several motivating factors.

KEYWORDS: *Encouragement, Critical Thinking Skills, Teaching Faith, Secondary School*

PENGENALAN

Mendepani era IR 5.0 yang semakin mencabar, Guru Pendidikan Islam (GPI) perlu merancang strategi pengajaran, khususnya dalam bidang akidah, yang dapat mempersiapkan murid untuk mendepani cabaran di era dunia pendidikan yang bakal membawa anjakan paradigma baharu. Namun, dalam usaha meletakkan sistem pendidikan Malaysia dalam kelompok sepertiga teratas dunia, aspek pengukuhan rohani, terutamanya penghayatan akidah murid, tidak boleh dikesampingkan. Tambahan pula, aspek Kepercayaan Guru Pendidikan Islam terhadap amalan pengajaran merupakan elemen penting yang turut mempengaruhi tingkahlaku pengajaran. Rentetan itu, bidang akidah merupakan bidang yang berperanan penting dalam merealisasikan pembangunan murid secara holistik, sejajar dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Pembinaan akidah yang kukuh, mantap, dan berterusan dapat membentuk individu yang memiliki kekuatan ilmu dan agama. Hal ini kerana dimensi akidah yang bukan sahaja merupakan asas kepada fiqh dan akhlak tetapi juga lebih bersifat aqliah dan pemikiran (Mohd Zaidi, 2019). Namun, tidak dapat dinafikan bahawa ledakan globalisasi serta Era Revolusi Perindustrian 5.0 menambah lagi cabaran kepada guru, khususnya GPI, dalam mencorakkan kaedah pengajaran yang berkesan. Menyedari hakikat ini, sebagai pemangkin minda kelas pertama, GPI memainkan peranan penting dalam menyampaikan ilmu yang berkualiti serta seimbang. Tegasnya, Pendidikan Islam (PI) yang berteraskan akidah ketuhanan sewajarnya menjadi sandaran utama dalam menghadapi pengaruh budaya dan ideologi pemikiran Barat pada era pendidikan digital serta teknologi maklumat tanpa sempadan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Sejajar dengan saranan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang menghendaki setiap pelajar mempunyai tahap kemahiran memimpin, dwibahasa, etika dan kerohanian, identiti sosial, pengetahuan dan kemahiran berfikir, maka pelaksanaan aspek KBAT, khususnya pemikiran kritis, amat tidak wajar dikesampingkan dalam usaha merealisasikan budaya berfikir di era pendidikan abad ke-21. Umumnya, kajian amalan pengajaran dengan Kemahiran Berfikir Kritis (KBK) dalam kalangan GPI memiliki perkaitan erat dengan falsafah, matlamat dan tujuan Pendidikan Islam (PI) (Nursafra Mohd Zhaffar, 2017). PI bertujuan membangunkan intelek insan kerana penting untuk membongkar kebenaran hakiki iaitu menemukan insan kepada pencipta (Suhid & Fakhrudin, 2012 dalam Abdullah, 1982). Menerusi PPPM 2013-2025, kemahiran berfikir menjadi fokus dalam kemahiran Abad Ke-21 ke arah melengkapkan murid berdepan cabaran dunia semasa (Norzilawati Abdullah, 2020). Kemahiran ini dimasukkan secara eksplisit dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Islam (PI). Kini, KBK menjadi salah satu elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) (KPM, 2017).

Di samping itu, keupayaan untuk menjelmakan hasil pemikiran menerusi aspek penyampaian, pengendalian kelas dan pentadbiran pembelajaran yang menyeluruh menjadi penanda aras penting pengajaran guru pada abad ini melalui pelaksanaan yang mengaplikasikan kepelbagaian pola pemikiran. Rentetan itu, pendidikan akidah yang merupakan teras kepada pelaksanaan syariat secara syumul dan holistik menuntut pendekatan pengajaran yang tidak semata-mata memindahkan ilmu bahkan berupaya menyuburkan dan mengukuhkan nilai keimanan (Mohd Arif Kasmoo, 1998). Dalam konteks pengajaran akidah, Fatimah Abdullah (2005) berpendapat pengajaran Akidah memerlukan penambahbaikan kaedah pengajaran yang lebih dinamik dan terkini sebagai persediaan menghadapi cabaran dan keperluan semasa. Hal ini menuntut tanggungjawab guru untuk mendidik murid agar kefahaman mendalam terhadap Islam menjadi tunjang kehidupan (Mohd Zaidi Ismail, 2013). Justeru, falsafah dan konsep PI tersebut perlu difahami supaya GPI dapat menyesuaikan kaedah didikan

mengikuti zaman dengan matlamat akhir pendidikan itu sendiri (Nursafra, 2017). Dalam konteks PI hari ini, para pendidik dan *murabbi* perlu memberi penekanan serius terhadap aspek kecerdasan intelektual murid. Penekanan kepada aspek akidah dalam mendidik akal agar berkeupayaan mendepani cabaran semasa pada hari ini. Kekuatan intelektual murid perlu diiringi dengan penekanan aspek akidah bagi membentuk kesepaduan antara intelektual dan rohani dalam usaha melahirkan murid yang kamil. Justeru, kajian berkenaan penerapan KBK dalam kalangan GPI dilihat amat penting dan berkait rapat dengan FPK serta Falsafah Pendidikan Islam (FPI) itu sendiri. Selain itu, ia turut dipengaruhi oleh keperluan semasa serta cabaran yang perlu dihadapi oleh sistem pendidikan negara dalam usaha membangunkan insan yang berpegang teguh pada ajaran agama.

Tambahan pula, subjek akidah merupakan teras dalam PI KSSM yang diajar dalam tingkatan satu hingga tingkatan lima (Wan Hasan Wan Embong & Kamarul Azmi Jasmi, 2019). Di samping itu, FPK yang menjadi tunjang kepada sistem pendidikan negara turut menekankan unsur pembangunan intelek yang mengambil kira aspek hikmah, iaitu ilmu yang boleh membawa kepada kebenaran, ilmu yang bermanfaat serta daya pemikiran yang logik dan analitis (Wan Hasan Wan Embong & Kamarul Azmi Jasmi, 2019). Selain itu, Adnan (2002) telah merumuskan berkaitan elemen penting dalam kandungan kurikulum semakan semula bahawa PI ialah tumpuan memantap dan mengukuhkan iman dan takwa dengan menjelaskan konsep akidah dan mencari sebab musabab berkaitan dengannya untuk meningkatkan benteng ketahanan diri. (Wan Hasan Wan Embong & Kamarul Azmi Jasmi, 2019). Hal ini memberi isyarat bahawa Sistem PI sewajarnya menggalakkan murid mengaitkan teori, fakta, hipotesis dan maklumat agar berupaya membentuk satu jalinan kebenaran yang saling berkait. Hasilnya, murid tidak mudah keliru dengan pelbagai ancaman pemikiran yang tidak seiring dengan pedoman wahyu.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes dengan pendekatan kualitatif. Kajian kes dilihat bersesuaian dengan matlamat untuk membuat pemerhatian terhadap kepercayaan Guru Pendidikan Islam terhadap amalan penerapan KBK dalam pengajaran bidang akidah KSSM. Pemilihan kaedah kualitatif ini adalah berdasarkan beberapa sebab. Antaranya, kajian yang berkaitan dengan kepercayaan dan amalan ialah suatu proses yang berlapis-lapis dan agak kompleks. Maka, kaedah kualitatif lebih sesuai digunakan bagi menghuraikan fenomena yang berlaku (Creswell, 1998). Tambahan pula, Creswell (1998) menjelaskan bahawa penyelidikan kualitatif dapat membantu penyelidik dalam usaha meneroka proses dan bentuk amalan atau praktik, menyediakan perspektif yang kaya dan terperinci, serta membantu penyelidik memahami proses dan bentuk sesuatu amalan dengan lebih mendalam. Justeru, kajian kualitatif lebih sesuai dan relevan digunakan untuk menjawab persoalan kajian tentang amalan penerapan KBK dalam pengajaran bidang akidah KSSM. Manakala persampelan kajian diambil daripada hasil temubual yang dijalankan oleh pengkaji dengan lima orang GPI di dua buah sekolah menengah kategori SBP di Negeri Perak. Data dianalisis secara verbatim dengan menggunakan perisian Atlas.ti versi 23. Protokol temu bual telah disemak dan disahkan oleh sembilan orang pakar bagi memastikan kerelevanan soalan temu bual dalam mencapai objektif kajian.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Setelah dianalisis melalui pengkodan terbuka, pengkodan sisi, dan pengkodan pilih, data dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti versi 23. Didapati empat tema utama dan *subtema* yang dinyatakan oleh responden berkaitan dengan faktor pendorong GPI melaksanakan penerapan KBK dalam pengajaran akidah bagi sekolah menengah. Tema dan subtema yang berkaitan dengan faktor-faktor pendorong penerapan KBK dalam pengajaran bidang akidah KSSM dirumuskan dalam Jadual 1 sebagai matriks perbandingan untuk memudahkan pemahaman.

Jadual 1. Tema dan subtema faktor pendorong penerapan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran Bidang Akidah KSSM

Tema	Sub tema
a) Motivasi Kendiri b) Persekitaran Sekolah c) Sokongan Pentadbir dan Rakan Sejawat d) Profil Murid Pemikir Kritis	i. Kemudahan Asas ii. Suasana Persekitaran

Berikutnya ialah subtema aspek faktor pendorong amalan penerapan KBK dalam pengajaran akidah KSSM di sekolah menengah. Data menunjukkan bahawa peserta kajian menerima beberapa bentuk dorongan untuk melaksanakan penerapan KBK dalam pengajaran akidah KSSM di peringkat sekolah menengah. Bagi konteks ini, faktor dorongan merujuk kepada empat aspek iaitu i) motivasi sendiri, ii) persekitaran sekolah, iii) sokongan pentadbir dan rakan sejawat, serta iv) profil murid pemikir kritis. Rajah 1 menunjukkan tema faktor-faktor pendorong amalan penerapan KBK dalam pengajaran akidah KSSM di sekolah menengah :



Rajah 1. Faktor Pendorong GPI Terhadap Penerapan Kemahiran Berfikir Kritis dalam Pengajaran dan Pembelajaran Akidah KSSM

Jelaslah bahawa, galakan daripada pihak pentadbir khususnya pengetua merupakan salah satu faktor pendorong penting yang merangsang motivasi peserta kajian untuk menerapkan KBK dalam pengajaran akidah KSSM. Dapatan kajian ini menunjukkan pengetua bertindak sebagai pemimpin yang menyokong, membimbing, dan memberi tunjuk ajar kepada guru dalam melaksanakan tugas dengan cemerlang dan bertanggungjawab. Sememangnya pengetua perlu mewujudkan hubungan yang baik dengan guru dan bertindak sebagai pemimpin yang boleh dijadikan mentor dan ikutan.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pengetua terlibat secara langsung sebagai fasilitator yang mengendalikan program-program untuk mengukuhkan akidah dan keimanan yang diwujudkan oleh pihak SBP. Keperluan komunikasi dua hala antara pengetua dan guru sangat penting supaya wujud perasaan sepunya dalam kalangan guru bahawa kemahiran, komitmen dan usaha mereka dihargai oleh pengetua. Secara tidak langsung, ia memberi impak kepada motivasi dan komitmen kerja guru kerana mereka diberikan penghargaan dan pengiktirafan atas tanggungjawab yang telah mereka laksanakan. Dapatan kajian ini selari dengan pandangan Habsah Ismail (2000) yang menyatakan pengetua sebagai pihak pentadbir sekolah perlu mewujudkan kerjasama dengan pihak guru untuk menjayakan proses penerapan kemahiran berfikir kritis.

Di samping itu juga, persekitaran sekolah juga memainkan peranan penting bagi memastikan kelancaran proses penerapan KBK berlaku di sekolah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa persekitaran sekolah yang kondusif merupakan faktor pendorong dalam pelaksanaan amalan penerapan KBK dalam bidang akidah KSSM. Dua aspek utama yang dikenalpasti ialah kemudahan asas dan suasana persekitaran sekolah. Kemudahan asas yang mencukupi dan berkualiti di sekolah memainkan peranan penting dalam menyokong proses penerapan KBK. Kemudahan seperti perpustakaan yang lengkap dengan sumber rujukan dan digital, makmal komputer yang dilengkapi

akses internet serta bilik darjah yang selesa dapat memudahkan proses pembelajaran dan memupuk suasana yang kondusif untuk proses penerapan KBK. Dapatan kajian ini disokong melalui kajian (Rosnani Hashim 2008; Noor Hisham, 2011) yang menyatakan bahawa perlunya kepada perubahan kurikulum PI yang memberi tumpuan dan perhatian kepada sumber ilmu yang seiring dengan perkembangan dan peredaran semasa.

Tambahan pula, suasana sekolah yang mengetengahkan moto bertemakan kepimpinan turut mendorong pelaksanaan kemahiran berfikir kritis dengan semangat nasionalisme. Moto yang diketengahkan ini memberi gambaran tentang visi sekolah yang berhasrat melahirkan individu yang bukan sahaja berpengetahuan, tetapi juga mempunyai keupayaan kepimpinan. KBK merupakan aspek penting dalam kepimpinan yang berkesan. Seorang pemimpin perlu mampu menganalisis situasi, menyelesaikan masalah, membuat keputusan yang bijak serta berfikir secara strategik. Dapatan menarik ini memberikan kefahaman bersama bahawa seorang Muslim yang berpegang teguh kepada akidah Islam diharapkan menjadi pemimpin dan agen perubahan yang positif dalam masyarakat. Oleh itu, penerapan KBK dalam PI adalah penting untuk melahirkan individu yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga berakhlak mulia dan bertanggungjawab.

Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa sokongan pentadbir dan rakan sejawat turut menyumbang kepada keberkesanan penerapan KBK. Sokongan pentadbir dan rakan sejawat merupakan faktor pendorong yang penting dalam mewujudkan budaya pemikiran kritis di sekolah, khususnya dalam usaha pengukuhan dan penghayatan akidah di SBP. Dalam konteks sokongan pentadbir, analisis dapatan data menjelaskan bahawa sokongan pentadbir memainkan peranan penting dalam menyediakan persekitaran yang kondusif untuk penerapan KBK. Beberapa bentuk sokongan yang dikenalpasti termasuklah sokongan program kerohanian, sokongan kewangan serta mewujudkan budaya sekolah yang terbuka dan inklusif bagi menggalakkan perkongsian idea, perbincangan terbuka dan penerimaan pandangan yang berbeza. Hal ini dilihat membantu pihak sekolah menyediakan ruang yang selamat untuk murid mengungkapkan pendapat dan berfikir secara kritis tanpa rasa takut atau dihakimi. Bagi perihal sokongan kewangan, pentadbir didapati turut menyediakan peruntukan kewangan untuk menampung perbelanjaan program-program kerohanian. Dapatan ini menjelaskan kefahaman bahawa komitmen pihak sekolah dalam melabur untuk pembangunan murid secara holistik, termasuk aspek kerohanian dan intelektual khususnya pemikiran kritis.

Sementara itu, bagi konteks sokongan rakan sejawat, ia turut dilihat menyumbang kepada penerapan KBK di sekolah. Perkongsian amalan, strategi pengajaran dan sumber pembelajaran yang berkesan dapat membantu guru meningkatkan keberkesanan pengajaran mereka. Bagi merumuskan kefahaman berkaitan sokongan pentadbir dan rakan sejawat, dapat disimpulkan bahawa sokongan pentadbir dan rakan sejawat merupakan faktor pendorong yang signifikan dalam memupuk budaya pemikiran kritis di sekolah. Sokongan pentadbir yang jitu telah menyediakan persekitaran yang kondusif untuk penerapan KBK. Manakala sokongan rakan sejawat pula dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Kedua-dua faktor ini adalah penting untuk melahirkan generasi murid yang berfikir kritis dan matang.

Begitu juga dengan profil murid, khususnya murid yang cenderung berfikir kritis, turut menjadi faktor pendorong penerapan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran, terutamanya pengajaran akidah KSSM. Analisis data mendapati murid yang memiliki profil pemikir kritis memerlukan pendekatan pengajaran yang lebih mencabar minda mereka. Dapatan ini menjelaskan bahawa guru perlu merancang aktiviti pengajaran yang dapat merangsang pemikiran kritis murid dan bukan sekadar memberi maklumat secara pasif. GPI juga perlu memberi peluang kepada murid untuk meneroka ilmu pengetahuan dengan lebih mendalam. Hal ini selaras dengan falsafah pendidikan yang bertujuan mengembangkan potensi murid secara holistik. Pendekatan pengajaran yang menggalakkan pemikiran kritis dapat membantu murid menganalisis maklumat, membuat kesimpulan dan mengaplikasikan ilmu pengetahuan dalam kehidupan seharian. Selain itu, penglibatan aktif murid dalam aktiviti sekolah juga dapat membantu mengembangkan kemahiran berfikir kritis. Walaubagaimanapun, bimbingan guru tetap diperlukan untuk memastikan murid menggunakan kemahiran berfikir kritis dengan bijaksana dan berkesan. Dapatan ini selaras dengan dapatan kajian (Mohd Kamal Hasan 2002; Osman Bakar 2011) iaitu kurikulum Pendidikan Islam memerlukan penerbitan buku-buku teks Pendidikan Islam yang memberi perhatian kepada penerapan kemahiran berfikir kritis. Sehubungan dengan itu, lebih banyak penyelidikan perlu dilaksanakan sebagaimana dinyatakan oleh Ab Halim Tamuri (2009). Penyaluran maklumat terkini kepada guru berkaitan aspek integrasi ilmu perlu dilaksanakan sebagaimana

dinyatakan oleh (Noor Hisham 2009; Zanaton 2013) dalam kajian mereka. Seterusnya, secara tidak langsung, ia turut dijadikan garis panduan tentang bagaimana melaksanakan integrasi ilmu dalam pengajaran Pendidikan Islam.

Pemberian kursus-kursus dan latihan yang terancang berkaitan dengan kemahiran berfikir dari masa ke masa dilihat dapat membantu peserta, malah berupaya membuka minda dan mencambah idea guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan proses penerapan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran mereka. Dapatan ini disokong oleh dapatan kajian (Ab Halim tamuri 2009; Muhammad Syukri Salleh 2002; Tajul Ariffin 2002) iaitu guru harus digalakkan untuk menghadiri seminar, bengkel dan membuat penyelidikan bagi menambah pengetahuan mereka dalam melaksanakan pemindahan ilmu dalam pengajaran.

Sokongan yang berterusan daripada pihak KPM, JPN, PPD, SBP dan JAIPk kepada pihak sekolah dan guru Pendidikan Islam menerusi pengendalian kursus-kursus dan latihan kepada guru juga boleh meningkatkan pengetahuan serta kemahiran guru dari masa ke masa. Kursus dan latihan untuk meningkatkan profesionalisme guru didapati sangat membantu dalam meningkatkan kebolehan dan keupayaan guru untuk melaksanakan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran, khususnya dalam bidang akidah KSSM. Latihan dan kursus yang diberikan berkaitan dengan penerapan kemahiran berfikir kritis dan pedagogi kandungan juga diperlukan untuk memberi input serta memperlengkapkan diri guru dengan khazanah ilmu yang berguna bagi menghadapi perubahan yang berlaku dalam bidang akidah KSSM, Pendidikan Islam dan arus pendidikan negara.

Selain itu hasil kajian menunjukkan BPI perlu melakukan perubahan dari segi persembahan kandungan buku teks Pendidikan Islam yang mengandungi Tulisan Jawi. Buku teks dan modul-modul pengajaran perlu dilaksanakan secara terancang dan seiring dengan keperluan semasa murid-murid. Dicadangkan kaedah Dwi tulisan iaitu tulisan jawi dan rumi dimasukkan secara tersusun dan sistematik bagi memudahkan kefahaman murid. Di samping itu juga perlu juga diwujudkan jurulatih-jurulatih yang cekap dan berpengalaman untuk melatih guru-guru supaya lebih memahami proses pelaksanaan penerapan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran akidah KSSM. Hal ini bersesuaian dengan kajian (Mohd Kamal Radiman 2014, Noor Hisham 2015).

Dapatan kajian juga mendapati sokongan daripada rakan setugas memotivasikan peserta kajian untuk membangunkan intelek dan peribadi murid. Keadaan ini disebabkan rakan setugas merupakan individu yang paling hampir dengan peserta kajian dalam persekitaran kerja mereka. Rakan setugas merupakan individu yang paling hampir dan sangat memahami akan persekitaran kerja seorang pendidik di mana mereka boleh bertukar-tukar fikiran dan berbincang berkaitan tanggungjawab sebagai seorang pendidik di sekolah yang dipenuhi dengan rutin harian yang pelbagai. Dapatan ini disokong oleh kajian (Johari 1992; Suhana et al. 2014).

Berdasarkan dapatan kajian, budaya menunjukkan kewujudan iklim dan persekolahan yang selesa, bersih dan harmoni akan memberi impak positif kepada peserta kajian dalam melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi dan cemerlang, yang juga selaras dengan kajian (Ahmad Kilani 2003). Bertepatan dengan pandangan (Noor Hisham 2015; Tajul Ariffin 2015), sekolah perlu menyediakan persekitaran yang kondusif dan menyokong proses pembangunan insan para pelajar, seiring dengan kehendak FPK yang ingin melahirkan pelajar yang seimbang dan holistik. Budaya sekolah yang positif sangat berperanan dalam mempengaruhi tindakan guru untuk menerapkan kemahiran berfikir kritis. Iklim, budaya dan persekitaran sekolah yang positif dan kondusif bukan sahaja merangsang peserta kajian untuk melaksanakan penerapan kemahiran berfikir kritis dalam bidang akidah KSSM, malah turut mempengaruhi perkembangan peribadi pelajar dari aspek sahsiah dan intelek secara harmoni.

Kesimpulannya, kejayaan proses penerapan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran akidah KSSM bukanlah mengambil sesuatu yang mudah untuk dihayati dan dilaksanakan. Proses ini memerlukan sokongan semua pihak, sama ada kerajaan, pegawai Kementerian Pelajaran Malaysia, pendidik, pelajar, dan masyarakat itu sendiri. Kita perlu sentiasa komited dan meneruskan usaha yang mendalam bagi menghasilkan proses penerapan kemahiran berfikir kritis yang berkesan dan merangkumi semua aspek. Akhirnya, kita akan membentuk sebuah masyarakat yang berjiwa sederhana, mengenal hakikat kebenaran, mengaplikasikan ilmu pengetahuan dengan cara yang betul, dan seterusnya mencapai *self-actualization*. Selain itu, masalah-masalah yang dihadapi guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan tugas sebagai pendidik turut berkaitan dengan proses penerapan kemahiran berfikir kritis. Oleh itu,

perbincangan seterusnya akan memfokuskan kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dalam menerapkan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran akidah KSSM.

KESIMPULAN

Sebagai rumusan, kesedaran peserta kajian untuk menerapkan kemahiran berfikir kritis dalam pengajaran bidang akidah KSSM berlaku hasil usaha bersepadu dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor pendorong. Empat faktor dorongan utama yang memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan penerapan kemahiran berfikir kritis iaitu motivasi sendiri guru Pendidikan Islam, sokongan daripada pelbagai pihak, persekitaran sekolah serta profil murid pemikir kritis. Keempat-empat dorongan tersebut, apabila berpadu dalam diri GPI, akan melahirkan amalan penerapan kemahiran berfikir kritis secara konsisten walaupun tidak sepenuhnya diwajibkan dalam kurikulum. Sekiranya amalan penerapan kemahiran berfikir kritis ingin diaplikasikan dan diperluas kepada lebih ramai guru, maka faktor motivasi sebegini perlu ditanamkan dalam kalangan guru.

KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada konflik kepentingan dalam artikel ini.

SUMBANGAN PENULIS

Juliana Omar: Penulisan konseptual, metodologi, pengumpulan data – penyediaan draf artikel asal.

Norhisham Muhamad: Pengesahan kandungan penilaian dan penyuntingan.

KETERSEDIAAN DATA DAN BAHAN

Data boleh diperoleh daripada penulis atas permintaan yang munasabah.

DEKLARASI GENERATIF AI

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada penggunaan generatif AI dalam penulisan artikel ini.

PERNYATAAN ETIKA

Tidak berkenaan

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri. 2007. Islamic Education Teachers' Perceptions of the Teaching of Akhlāq in Malaysian Secondary Schools. *Journal of Moral Education* 36(3): 371-386.
- Ab. Halim Tamuri. 2016. Keberkesanan Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Pendidikan Islam. Dim. Mohd Farid Mohd Shahrān & Nor Hartini Saari (pnyt.). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam: Persediaan dan Cabaran*, hlm. 1-30. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Cresswell, J.W.(1998). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing among Five Traditions*. California, CA: Sage Publications.
- Fatimah Abdullah. (2005). Teaching Islamic Theology In The Era of Globalization. Proceedings International Seminar Religious in the Muslim World: Challenges and Prospects.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin. (2012). *Peranan & Cabaran Guru dalam Pengajaran Pendidikan Islam*. Serdang: Penerbit UPM.
- KPM. (2017). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Islam Tingkatan Tiga*. Putrajaya: KPM.

- Mohd Arif Kasmu. (1998). Pengukuhan Akidah menerusi Penghayatan Sains dalam al-Qur'an dalam Kerangka Pembangunan Akhlak Pelajar. *Jurnal Pendidikan*, 8(2), 1–16.
- Mohd Azhar Abd Hamid. (2004). *Pengenalan Pemikiran Kritis & Kreatif*. Johor Bahru : Penerbit UTM.
- Mohd Zaidi, I. (2019). *Aqal Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Mohd Zaidi Ismail. (2013). Kerangka Aqal-Naqal dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025: Beberapa Catatan Pemerhatian Awal. Kertas Kerja Seminar Pemerkasaan Pengajaran Agama Islam Di Malaysia: Menilai Cabaran Semasa Guru Pendidikan Islam. Anjuran IKIM Dan KPM, 24-25 Sept.
- Norazilawati, A. (2020). *Trend dan Isu Pendidikan Abad ke-21*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nursafra Mohd Zhaffar. (2017). Kefahaman dan Amalan Penerapan Pemikiran Kritis dalam Pengajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Noor Hisham Md. Nawī. (2014). *Sinergisme Pemikiran Islam Kritis Kreatif*. Kelantan: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Norsaleha Mohd. Salleh, Ab. Halim Tamuri & Salleh Amat. (2017). *Akidah, Emosi & Spiritual Remaja*. Kajang: Penerbit KUIS.
- N.S Rajendran. (2017). *Pengajaran & Penguasaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi : Teori dan Amalan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rosnani Hashim. (2007). Rethinking Islamic Education in facing the challenges of the twenty-first century. *American Journal of Islamic Social Sciences*. 24(3) 133- 147.
- Rosnani Hashim. (2009). Menghidupkan Semula Pedagogi Inkuiri Falsafah di kalangan Pendidik dan Pelajar Islam. *Jurnal Pendidikan Islam*. 13(2) 13–28.
- Rosnani Hashim. (2012). Memenuhi aspirasi Kemahiran Berfikir dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 menerusi Inkuiri dan Pedagogi Filosofiyah dalam kalangan Guru. Kertas kerja Persidangan Majlis Dekan Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, 7-9 Oktober.
- Wan Hasan Wan Embong & Kamarul Azmi Jasmi. (2019). *Perspektif Baharu dalam Pengkaedahan Pendidikan Akidah Di Malaysia*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.